

KEFAHAMAN TENTANG ISU ETIKA DAN INTEGRITI AKADEMIK DALAM PENGGUNAAN CHATGPT DARI PERSPEKTIF PELAJAR

AWARENESS OF ETHICAL ISSUES AND ACADEMIC INTEGRITY IN THE USE OF CHATGPT FROM STUDENTS' PERSPECTIVE

Marlia Marzuki^{1*}

¹ Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak (E-mail: marlia@poliku.edu.my)

Article history

Received date : 26-9-2025

Revised date : 27-9-2025

Accepted date : 17-10-2025

Published date : 24-10-2025

To cite this document:

Marzuki, M. (2025). Kefahaman tentang isu etika dan integriti akademik dalam penggunaan ChatGPT dari perspektif pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8(28), 31-38.

Abstrak: Penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar dilihat semakin meluas. Hampir setiap aktiviti pembelajaran, tidak terlepas dari penggunaan ChatGPT. Walaupun terdapat faedah positif kesan daripada penggunaannya, namun keadaan ini boleh terjadi pelanggaran etika dan integriti sekiranya tidak digunakan dengan betul. Berdasarkan kepada senario ini, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menilai sejauh tahap kebergantungan pelajar terhadap ChatGPT untuk pembelajaran dan sejauh mana tahap kefahaman pelajar tentang isu etika dan integriti akademik dalam penggunaan ChatGPT. Sampel kajian adalah daripada pelajar Politeknik Kuching Sarawak. Instrumen kajian ini adalah menggunakan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Bilangan sampel adalah seramai 315 orang pelajar. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan pensampelan rawak. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah Analisis Deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min.. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar kebergantungan kepada ChatGPT dalam pembelajaran. Sementara itu, bagi isu etika dan integriti penggunaan ChatGPT, Dapatkan ini menjelaskan bahawa masih lagi pelajar mempunyai kesedaran yang rendah mengenai isu integriti. Ini dibuktikan apabila majoriti pelajar bersetuju bahawa mengubah suai jawapan ChatGPT untuk mengelakkan pengesahan plagiarisme bukan satu kesalahan. Oleh yang demikian, peraturan untuk meningkatkan etika dan privasi yang berkaitan dengan penggunaan ChatGPT dalam akademik perlu dibangunkan.

Kata kunci: ChatGPT, kesedaran, etika, integriti

Abstract: The use of ChatGPT among students is becoming increasingly widespread, with almost every learning activity involving its application. Although its use brings positive benefits, it can also lead to violations of ethics and integrity if not used appropriately. Based on this scenario, the objective of this study is to evaluate the extent of students' dependence on ChatGPT for learning and to assess their level of understanding regarding ethical and academic integrity issues in its use. The study sample consisted of students from Politeknik Kuching Sarawak. The research instrument employed was an online questionnaire, distributed

to a total of 300 students. Data collection was carried out using random sampling, and the analysis applied was Descriptive Analysis to obtain mean scores. The findings revealed that the majority of students are dependent on ChatGPT in their learning. Meanwhile, regarding the issues of ethics and integrity in the use of ChatGPT, the results indicate that students still demonstrate a low level of awareness, as evidenced by the majority agreeing that modifying ChatGPT's responses to avoid plagiarism detection is not considered a wrongdoing. Therefore, regulations aimed at strengthening ethical practices and privacy related to the use of ChatGPT in academia need to be developed.

Keywords: ChatGPT, awareness, ethics, integrity

Pengenalan

Kemunculan kecerdasan buatan (AI) telah memberikan banyak peluang dan kebaikan untuk memudahkan aktiviti manusia, dan ianya dilihat sangat diperlukan hampir di setiap domain kehidupan. Teknologi baharu, yang semakin popular iaitu Chat Generative Pre-Trained Transformer (ChatGPT), telah diperkenalkan oleh OpenAI pada November 2022, dan telah menjadi topik perbincangan di seluruh dunia (Guleria et al., 2023). Kecerdasan buatan (AI) telah diterapkan ke dalam pendidikan dan memberikan pelbagai faedah dan mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran. Sejak dilancarkan, ChatGPT telah menjadi model pembelajaran paling popular dalam kalangan pelajar kolej Generasi Z di Institusi Pengajian Tinggi (Acosta-Enriquez et al., 2024). Penggunaan ChatGPT selari dengan teknologi AI dalam pendidikan, di mana ia membolehkan automasi proses dan pembangunan penyelesaian pembelajaran yang inovatif (Rath et al. 2023). Dengan penggunaan AI, ChatGPT boleh meningkatkan hasil pembelajaran pelajar dengan memberikan cadangan dan maklum balas yang cepat (Kuka et al. 2022). Ia juga berpotensi untuk meningkatkan peranan guru dan menggalakkan pembangunan kompetensi digital (Ligorio 2022).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan AI dalam pendidikan tinggi mempunyai cabaran, seperti memastikan penggunaan beretika AI (Isaac et al. 2023). Ini selari dengan pandangan Guleria et al. (2023) yang menjelaskan bahawa ChatGPT-3 telah membawa banyak peluang, namun perlu pertimbangan mengenai isu etika dan privasi. Terdapat banyak kajian menunjukkan bahawa penggunaan AI seperti ChatGPT mudah terdedah kepada isu pelanggaran etika dan integriti. Seperti yang dijelaskan oleh Ortiz-Bonnin & Blahopoulou (2025), ketidakjujuran akademik kekal menjadi kebimbangan berterusan bagi institusi pendidikan, mengancam reputasi universiti. Kemunculan alatan Kecerdasan Buatan (AI) memburukkan lagi cabaran ini kerana ia boleh digunakan untuk berbual tetapi juga untuk menipu. Beberapa kertas saintifik telah menganalisis kelebihan dan risiko menggunakan alatan AI seperti ChatGPT dalam akademik. Berdasarkan kepada senario ini, kajian perlu dijalankan untuk menilai tahap kesedaran pelajar di institusi TVET seperti Politeknik Kuching Sarawak (PKS) terhadap isu etika dan integriti akademik. Kajian ini penting, kerana tahap kesedaran biasanya mempengaruhi tingkah laku seseorang. Pelajar masa kini merupakan generasi Z, yang merupakan pengguna utama teknologi ini dalam interaksi mereka dengan AI (Theguh et al., 2024). Memandangkan AI terus berkembang, adalah penting bagi pendidik dan institusi untuk menyesuaikan diri dan melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk era digital seperti yang dijelaskan oleh Kuka et al (2022), di samping meningkatkan kesedaran mengenai isu etika dalam penggunaan AI.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah:

- a) Untuk mengenal pasti tahap kebergantungan menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran di kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak.
- b) Untuk menilai menilai tahap kefahaman mengenai isu etika dan integriti akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak.

Sorotan Kajian

Penggunaan ChatGPT oleh pelajar telah membawa kepada pelbagai pelanggaran etika yang memerlukan perhatian, kerana teknologi kecerdasan buatan terus maju. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan ChatGPT, di samping bermanfaat dalam membantu proses penulisan ilmiah, juga boleh menimbulkan risiko plagiarisme dan ketidaktepatan maklumat (Arochma et al., 2023) (Munawar et al., 2023). Pelajar cenderung untuk bergantung kepada ChatGPT untuk jawapan pantas tanpa menjalankan penyelidikan mendalam atau mengesahkan sumber maklumat yang diberikan (Yahya et al., 2024). Ini boleh membawa kepada salah faham konsep akademik dan menjelaskan integriti akademik. Penyelidikan yang dijalankan oleh Arochma et al. (2023) mendedahkan bahawa majoriti pelajar yang dikaji percaya bahawa menyalin jawapan daripada ChatGPT tanpa atribusi yang betul merupakan tingkah laku yang tidak beretika. Disebabkan itu, Yahya et al. (2024) menekankan kepentingan memantau penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar untuk mengelakkan terlalu bergantung pada alat ini, yang boleh mengurangkan kemahiran berfikir kritis dan kreativiti. Tanpa pemahaman yang menyeluruh tentang etika dan tanggungjawab menggunakan teknologi seperti ChatGPT, pelajar berpotensi terperangkap dalam amalan yang memudaratkan diri mereka dan komuniti akademik secara keseluruhan (Munawar et al., 2023).

Menurut Guleria et al. (2023), maklumat yang diberikan oleh ChatGPT adalah tidak tepat dan mungkin mempunyai implikasi yang luas khususnya dalam bidang sains perubatan dan kejuruteraan. Pemikiran kritis harus digalakkan di kalangan penyelidik untuk meningkatkan kesedaran tentang privasi dan risiko etika yang berkaitan. Disebabkan itu, cabaran etika memerlukan kesedaran tentang ketepatan dan kesahihan maklumat yang dihasilkan oleh AI, serta penggunaan teknologi ini secara bertanggungjawab dalam kalangan pengguna (Munawar et al., 2023). Dengan literasi AI yang rendah dan tidak mempertimbangkan etika penggunaannya, pelajar berisiko mengalami masalah yang lebih besar dalam pendidikan dan pemikiran bebas mereka (Cahyono et al., 2023).

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Instrumen kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Item kajian ditadbir sendiri dan disemak oleh Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK). Sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak (PKS). Bilangan sample adalah seramai 315 orang pelajar dari semester 1 sehingga semester 6 dari semua jabatan akademik. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan pensampelan rawak. Responden akan menjawab soal selidik berdasarkan 5-skala likert yang disediakan dalam borang soal selidik. Analisis kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk mengukur tahap persetujuan pelajar terhadap item kajian dalam borang soal selidik berdasarkan nilai min, dengan

interpretasi tahap adalah mengikut skala seperti yang digunakan oleh Ngadiman et al. (2019): 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi).

Hasil Kajian

a) Latar belakang responden

Jadual 1: Latar Belakang Responden

	Item	n	%
Jantina	Lelaki	153	48.6
	Perempuan	162	51.4
Jabatan	JKA	41	13.0
	JKE	38	12.1
	JKM	25	7.9
	JKPK	11	3.5
	JP	119	37.8
	JTMK	81	25.7
Semester	1.00	67	21.3
	2.00	34	10.8
	3.00	28	8.9
	4.00	78	24.8
	5.00	77	24.4
	6.00	31	9.8
HPNM	1.00 ke bawah	1	.3
	1.01 - 2.00	4	1.3
	2.01 - 3.00	103	32.7
	3.01 - 4.00	141	44.8
	Sem 1 (Tiada HPNM)	66	21.0

Responden bagi kajian ini adalah daripada pelajar Politeknik Kuching Sarawak. Latar belakang mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Jumlah responden adalah seramai 315 pelajar. Majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan (51.4%) dan selebihnya adalah pelajar lelaki. Dari segi jabatan, majoriti pelajar dari Jabatan Perdagangan (JP), diikuti oleh Jabatan Teknologi Matematik & Komputer (25.7%) dan Jabatan Kejuruteraan Awam (13%). Berdasarkan pecahan semester, majoriti responden berada di semester 4 (24.8%), dan semester 5 (24.4%), manakala yang paling rendah ialah semester 3 (8.9%). Sementara itu, dari aspek pencapaian akademik, sebahagian besar pelajar memperoleh HPNM antara 3.01 hingga 4.00 (44.8%). Ini menjelaskan bahawa pelajar mempunyai prestasi akademik yang baik dalam kalangan responden, dan dianggap mampu menjawab soal selidik ini secara rasional.

b) Tahap Kebergantungan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran.

Jadual 2: Dapatan Analisis

No	Item	Min	S.P	Kekerapan
C1	Saya bergantung pada ChatGPT untuk menyiapkan tugas akademik.	3.149 ²	.786	Sederhana
C2	Saya menggunakan ChatGPT sebagai sumber utama rujukan berbanding buku atau jurnal.	3.295 ¹	.940	Sederhana
C3	Tanpa ChatGPT, saya sukar memahami topik tertentu dalam pembelajaran.	3.067 ³	.987	Sederhana
C4	Saya lebih memilih bertanya kepada ChatGPT berbanding pensyarah atau rakan sekelas.	2.676	.979	Rendah
C5	Penggunaan ChatGPT menyebabkan saya tidak perlu lagi mencari maklumat daripada sumber lain.	2.749	1.102	Rendah

Dapatan bagi objektif pertama iaitu untuk mengenal pasti tahap kebergantungan menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran di kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Tahap persetujuan responden terhadap lima item kajian adalah pada tahap sederhana dan rendah. Tahap kebergantungan pada sederhana menjelaskan bahawa pelajar mempunyai kebergantungan terhadap penggunaan ChatGPT, namun tidak pada tahap yang terlalu kerap, kemungkinan mereka menggunakan secara tetap tetapi masih juga menggunakan sumber pembelajaran yang lain. Manakala tahap rendah menjelaskan bahawa pelajar kurang bersetuju atau jarang mengalami situasi berkenaan. Item yang memperoleh tahap persetujuan berdasarkan min tertinggi ialah item C2 iaitu pelajar menggunakan ChatGPT sebagai sumber utama rujukan berbanding buku atau jurnal (min = 3.2952, S.P = 0.94016). Dapatan ini menunjukkan kecenderungan pelajar memilih ChatGPT sebagai bahan rujukan utama berbanding rujukan lain. Seterusnya ialah item C1 di mana pelajar juga mengakui bergantung kepada ChatGPT untuk menyiapkan tugas akademik (min = 3.1492, S.P = 0.786), diikuti oleh item C2 iaitu pelajar bersetuju mereka sukar memahami topik tertentu tanpa bantuan ChatGPT (min = 3.0667, S.P = 0.98653).

c) Tahap Kesedaran Mengenai Isu Etika Dan Integriti Akademik

Jadual 3: Dapatan Analisis

No	Item	Min	S.P	Tahap
S1	Menyalin bulat-bulat jawapan ChatGPT tanpa rujukan adalah perbuatan yang biasa dan boleh diterima.	2.251	0.956	Rendah

S2	Menggunakan teks atau idea daripada ChatGPT tanpa parafrasa atau citation bukanlah satu bentuk plagiat.	2.546	1.065	Rendah
S3	Menggunakan ChatGPT untuk menjawab soalan peperiksaan atau kuiz tidak dianggap menipu.	1.997	1.093	Lemah
S4	Menghantar tugas yang dihasilkan sepenuhnya oleh ChatGPT adalah wajar selagi hasilnya betul.	2.251	1.058	Rendah
S5	Mengubah suai jawapan ChatGPT untuk mengelakkan pengesanan plagiarisme bukan satu kesalahan.	3.016 ¹	1.027	Sederhana
S6	Mencipta data, graf, atau statistik palsu menggunakan ChatGPT boleh diterima jika membantu tugasan.	2.429	1.054	Rendah
S7	Menggunakan ChatGPT untuk menyumbang dalam forum/diskusi kelas tanpa membaca sendiri adalah amalan yang baik.	2.232	1.025	Rendah
S8	Bergantung sepenuhnya pada ChatGPT tanpa usaha sendiri tidak menjelaskan pembelajaran.	2.029	1.090	Rendah
S9	Tidak perlu mengakui penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik kerana ia hanya alat bantuan.	2.727 ²	1.026	Rendah
S10	Menggunakan ChatGPT supaya tugasan nampak lebih kompleks adalah cara yang sah untuk lulus.	2.597 ³	1.015	Rendah

Sementara itu bagi dapatan objektif kedua iaitu untuk menilai menilai tahap kesedaran mengenai isu etika dan integriti akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Tahap persetujuan responden terhadap sepuluh item kajian menunjukkan bahawa hanya item (C5) adalah pada tahap sederhana, manakala sembilan item pada tahap rendah. Dapatkan ini menjelaskan bahawa majoriti pelajar tidak bersetuju dengan terhadap item yang bersifat negatif, namun sebahagian mempunyai tahap pengetahuan serta kefahaman yang rendah mengenai isu ini. Item yang memperoleh min tertinggi ialah item S5 di mana majoriti pelajar bersetuju bahawa mengubah suai jawapan ChatGPT untuk mengelakkan pengesanan plagiarisme bukan satu kesalahan (min = 3.0161, S.P = 1.027). Dapatkan ini menunjukkan sebahagian pelajar yang kurang jelas tentang batas etika akademik apabila menggunakan AI. Sementara itu, item S9 iaitu hanya sebahagian kecil pelajar bersetuju bahawa tidak perlu mengakui penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik kerana ia hanya alat bantuan (min = 2.7272, S.P = 1.026) dan item S10 iaitu menggunakan ChatGPT supaya tugasan nampak lebih kompleks adalah cara yang sah untuk lulus (min = 2.5973, S.P = 1.015). menandakan majoriti pelajar tidak bersetuju dengan pandangan tersebut. Secara keseluruhannya, masih ramai pelajar yang masih keliru dengan isu etika dan integriti

berdasarkan hasil tinjauan soal selidik. Ini menunjukkan bahawa keperluan untuk memperkuuhkan isu etika dan integriti melalui panduan dan pendidikan berterusan seperti yang ditekankan dalam kajian Hidayanti dan Azmiyanti (2023) iaitu penggunaan ChatGPT ini harus dilakukan dengan tanggung jawab dan berlandaskan dengan nilai etika.

Kesimpulan

ChatGPT telah muncul sebagai topik perdebatan dalam domain akademik. ChatGPT ini telah memberikan cabaran etika dan undang-undang, dan teknologi ini telah memberi kesan positif dan negatif dalam pelbagai domain. Berdasarkan kepada senario ini, kajian ini dijalankan untuk untuk melihat secara statistik sejauh mana tahap kesedaran isu dan integriti melalui penggunaan ChatGPT di Politeknik Kuching Sarawak. Secara rumusannya, majoriti pelajar bergantung kepada ChatGPT dalam pembelajaran iaitu menggunakan secara kerap tetapi masih juga menggunakan sumber pembelajaran yang lain. Bagi isu etika dan integriti penggunaan ChatGPT, dapatan ini menjelaskan bahawa masih ramai lagi pelajar yang mempunyai tahap kefahaman yang rendah mengenai isu integriti iaitu salah faham dalam penggunaan kecerdasan buatan ini. Ini dibuktikan apabila majoriti pelajar bersetuju bahawa mengubah suai jawapan ChatGPT untuk mengelakkan pengesanan plagiarisme bukan satu kesalahan. Sebenarnya walaupun seseorang mengambil penulisan kemudian mengubahnya, ia tetap perlu meletakkan sumber rujukan tempat tersebut. Oleh yang demikian, peraturan untuk meningkatkan etika dan privasi yang berkaitan dengan penggunaan ChatGPT dalam akademik perlu dibangunkan. Untuk meningkatkan kefahaman pelajar tentang etika penggunaan ChatGPT, institusi pendidikan perlu memberi penekanan kepada pendidikan integriti akademik melalui bengkel, seminar dan garis panduan rasmi yang jelas mengenai cara penggunaan AI secara beretika. Pelajar harus dilatih menilai kebolehpercayaan maklumat yang dijana oleh ChatGPT serta menguasai literasi digital agar tidak bergantung sepenuhnya kepada platform ini.

Rujukan

- Acosta-Enriquez, B. G., Arbulú Ballesteros, M. A., Arbulu Perez Vargas, C. G., Orellana Ulloa, M. N., Gutiérrez Ulloa, C. R., Pizarro Romero, J. M., ... & López Roca, C. (2024). Knowledge, attitudes, and perceived Ethics regarding the use of ChatGPT among generation Z university students. *International Journal for Educational Integrity*, 20(1), 10.
- Arochma, N., Purnaningsih, E., Anggreani, N., & Faroqi, A. (2023). Analisis etika penggunaan teknologi informasi terhadap ketidaketisan penggunaan chatgpt oleh mahasiswa. *sitasi*, 3(1), 508-515. <https://doi.org/10.33005/sitasi.v3i1.404>
- Bisri, B. and Nawawi, F. (2024). Etika dalam pemanfaatan artificial intelligence (ai) pada generasi z di pondok pesantren syariful anam kota cirebon. *Jurnal Abadimas Adi Buana*, 7(02), 169-179. <https://doi.org/10.36456/abadimas.v7.i02.a7916>
- Cahyono, N., 'Uyun, K., & Mukaromah, S. (2023). Etika penggunaan kecerdasan buatan pada teknologi informasi. *sitasi*, 3(1), 482-491. <https://doi.org/10.33005/sitasi.v3i1.334>
- Guleria, A., Krishan, K., Sharma, V., & Kanchan, T. (2023). ChatGPT: ethical concerns and challenges in academics and research. *The Journal of Infection in Developing Countries*, 17(09), 1292-1299.
- Hidayanti, W., & Azmiyanti, R. (2023, October). Dampak Penggunaan Chat GPT pada Kompetensi Mahasiswa Akuntansi: Literature Review. In *Seminar Nasional Akuntansi Dan Call for Paper* (Vol. 3, No. 1, pp. 83-91).

- Isaac F, Diaz N, Kapphahn J, Mott O, Dworaczyk D, Luna-Gracia R, Rangel A (2023) Introduction to AI in Undergraduate Engineering Education 2023. <https://doi.org/10.1109/FIE58773.2023.10343187>
- Kuka L, Hörmann C, Sabitzer B (2022) Teaching and learning with AI in higher education: a scoping review. Springer Sci Bus Media Deutschland GmbH 456:551–571.
- Ligorio M (2022) Artificial Intelligence and learning [INTELLIGENZA ARTIFICIALE E APPRENDIMENTO]. 34(1):21–26.
- Munawar, Z., Soerjono, H., Putri, N., Hernawati, H., & Dwijayanti, A. (2023). Manfaat kecerdasan buatan chatgpt untuk membantu penulisan ilmiah. Tematik, 10(1), 54-60. <https://doi.org/10.38204/tematik.v10i1.1291>
- Ngadiman, D. W. T., Wahid, H., & Nor, M. A. M. (2016, October). Sumber Pengetahuan Tentang Zakat: Kajian Di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. In *Seminar Antarabangsa Pemerksaan Pendidikan Islam (Madrasah)* (pp. 176-184).
- Ortiz-Bonnin, S., & Blahopoulou, J. (2025). Chat or cheat? Academic dishonesty, risk perceptions, and ChatGPT usage in higher education students. *Social Psychology of Education*, 28(1), 113.
- Rath K, Senapati A, Dalla V, Kumar A, Sahu S, Das R (2023) GROWING role of Ai toward digital transformation in higher education systems. Apple Academic, pp 3–26.
- Yahya, R., Azizah, S., & Herlambang, Y. (2024). Pemanfaatan chatgpt di kalangan mahasiswa: sebuah tinjauan etika teknologi dalam perspektif filsafat. UPGRADE, 1(2), 53-59. <https://doi.org/10.30812/upgrade.v1i2.3481>